

06/04/2002

Beri tempat kepada generasi muda: Dr M

Norbakti Alias; Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Jumaat - Umno harus memberi tempat kepada generasi muda dan pemimpin sekarang harus sedia berundur bagi memberi tempat kepada mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, yang gembira kerana semakin ramai generasi muda menyertai Umno, berkata kesukaran parti mendapat ahli baru di sesetengah tempat kerana pemimpin cawangan khuatir kedudukan mereka tercabar dengan kemasukan golongan muda berpendidikan.

Beliau yang juga Presiden Umno menegaskan, jika keadaan itu berterusan, parti bukan saja tidak lagi relevan, malah akan berkubur bersama-sama generasi tua.

Hakikat semakin ramai menyertai Umno melalui pergerakan Pemuda dan Puteri menunjukkan mereka terus percaya pada perjuangan Umno. Oleh itu, parti akan terus relevan selama-lamanya.

"Jangan anggap Umno milik kita dan orang lain tidak ada tempat dalam Umno. Kita patut beri tempat kepada generasi muda. Kita mesti sedia mengundur diri supaya mereka dapat ambil alih kepimpinan.

"Yang tua harus mengalu-alukan orang muda bahkan sanggup memberi tempat kepada mereka," katanya berucap merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Langkawi di sini hari ini.

Hadir sama ialah Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Ketua Umno Bahagian, Datuk Abu Bakar Taib dan Pengerusi Barisan Nasional Langkawi, Tan Sri Sanusi Junid.

Dr Mahathir bagaimanapun menasihatkan generasi muda supaya jangan berebut jawatan ketika generasi tua mengundurkan diri.

"Jangan anggap perjuangan Umno tidak berjaya apabila kita tidak mendapat apa-apa. Sebenarnya semua mendapat faedah daripada perjuangan Umno termasuk kemudahan pendidikan, kesihatan dan perniagaan," katanya sambil berharap semua orang harus berterima kasih kepada Umno dan memberi sokongan sepanjang masa.

Perdana Menteri juga menasihatkan Pas supaya jangan memperkecilkan orang yang belajar ilmu dalam bidang lain selain agama, tetapi turut menyumbang kepada kesejahteraan hidup umat Islam.

Parti itu, katanya, tidak harus mengajak umat Islam di negara ini mementingkan ilmu agama semata-mata dan menolak ilmu lain yang kononnya sekular walaupun ia untuk kepentingan Islam dan kesejahteraan umat.

Tanpa menafikan mereka yang mempelajari ilmu agama memperoleh kebaikan, beliau berkata orang yang belajar ilmu lain untuk memberi sumbangan kepada kesejahteraan hidup umat Islam tidak harus diperkecilkan.

Beliau menegaskan, orang Islam hanya akan mencapai kejayaan jika mereka dapat mengimbangi keperluan dunia dengan kepentingan akhirat.

"Berbeza dengan Pas, Umno mempertahankan Islam dan umatnya dengan memberi mereka ilmu pengetahuan supaya dapat menggunakan ilmu itu untuk memajukan diri bagi mempertahankan agama, bangsa dan negara.

"Kalau kita daif dan miskin, tak mungkin kita dapat mempertahankan Islam. Kalau kita tidak miskin, orang tidak boleh peralatkan faktor kemiskinan kita untuk melemahkan iman kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, Pas juga cuba menghapuskan budaya Melayu yang mulia dengan mengetepikan sikap berterima kasih, semata-mata kerana takut masyarakat berasa terhutang budi dan akan mengundi Umno.

"Ini jelas bertentangan dengan Islam. Kita bersyukur kepada Allah dan pada masa yang sama, perlu juga berterima kasih kepada Nabi Muhammad s.a.w

kerana baginda adalah perantara antara Tuhan dan manusia.

"Tuhan tidak berhubung terus dengan manusia, sebaliknya mengutuskan nabi untuk menyampaikannya. Apakah kita tidak boleh berterima kasih kepada nabi. Kita juga harus berterima kasih kepada pedagang dari Yaman dan India yang membawa Islam ke negara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, apabila melihat sepanduk yang tertera perkataan `Terima Kasih Perdana Menteri', beliau menjawab `terima kasih' kerana itu adalah budaya mulia.

"Pada masa sama, jangan saja terima kasih kepada saya tetapi juga kepada Umno dan Barisan Nasional. Malangnya Pas hanya menggunakan Islam pada nama saja sedangkan apa yang diajar bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.

"Sebab itu saya katakan Pas bukan parti Islam. Mereka samakan Tuhan dengan manusia apabila kata Tuhan mencarut. Saya juga baca al-Quran dan kitab-kitab lain tetapi tak pernah lihat perkataan seburuk itu.

"Pas jelas menghina Tuhan dan sesiapa yang menyokong Pas, berdosa kerana turut sama menghina Tuhan," katanya.

(END)